

TAHUN 10 BILANGAN 9 RABU 5 MEI, 1965. 1385 رابو 4 محرام PERCHUMA

D. Y. M. M. RAJA ISTERI

BERCHEMAR DULI KA-ASRAMA JURURAWAT

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah berchemar duli ka-Dewan Asrama Jururawat Rumah Sakit Besar di-Bandar Brunei pada petang hari Khamis 29 April, 1965 untuk mengurniakan Sijil2 dalam Bahagian Kejururawatan dan Perbidanan serta Pingat2 Tamat Latehan kepada 18 orang Jururawat2, Pembantu2 Rumah Sakit dan Bidan2.

Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah di-iringi oleh Puteri Baginda, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masnah dan beberapa orang yang lain.

Pegawai Perubatan Negara, Doktor P. I. Franks telah menyampaikan ucapan terima kasih atas kesudian Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri berchemar duli ka-majlis itu.

Doktor Franks juga telah menyampaikan ucapan terima kasih atas kesudian Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri untuk menyampaikan hadiah2 kepada Jururawat2, Pembantu2 Rumah Sakit dan Bidan2 di-majlis tersebut.

Dalam ucapan-nya di-majlis itu, Doktor Franks berkata beliau percaya Jururawat2 dan Bidan2 di-negeri ini berasa bangga bahawa Duli (Lihat Muka 5)

JURU TULIS MAJLIS MASHUARAT NEGERI BRUNEI BERANGKAT KA-UNITED KINGDOM

BERAKAS. — Jurutulis Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah berangkat ka-United Kingdom dengan kapal terbang dari Brunei pada petang hari Juma'at 30 April, 1965.

Tujuan keberangkatan beliau ka-United Kingdom ia-lah untuk menghadiri Kursus Jurutulis Majlis Mashuarat di-sana selama tiga bulan.



Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim (kanan) kelihatan dalam gambar ini menyampaikan Pingat Perjuangan, Darjah Pertama kurniaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohamed Salleh di-Dewan Kemasyarakatan.


Beratus2 Orang Pegawai2 Kerajaan Mendapat Kurniaan Pingat Perjuangan

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis untuk menyampaikatkan Pingat Perjuangan yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kepada beratus2 orang Pegawai2 Kerajaan yang telah berjasa kepada Negeri Brunei pada masa berlaku penderhakaan di-negeri ini dalam bulan Disember tahun 1962, telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Khamis 22 April, 1965.

Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyampaikan Pingat2 Perjuangan itu bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di-majlis yang bersejarah itu.

Di-antara yang menerima Pingat2 Perjuangan pada pagi hari tersebut ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohamed Salleh; Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed; dan beberapa orang Pegawai2 Kanan Kerajaan.

Bekas Raja Muda Sarawak Mengadap D. Y. M. M. Maulana Al-Sultan



Bekas Raja Muda Sarawak, Awang Anthony Brooke telah melawat ke-Negeri Brunei di-Tenggara Asia dan lain2-nya. Pada masa lawatan tersebut, Awang Anthony Brooke telah mengadap D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin. Gambar ini di-ambur oleh D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan di-Istana Darul Hana, Brunei.

aru2 ini dalam bidang lawatan-nya ka-beberapa buah negara, mengadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Muda Sarawak itu mengadap Duli Yang Maha

Keputusan Pepereksaan Kerani2 Kerajaan

BANDAR BRUNEI. — Seramai 15 orang Pegawai2 Kerajaan Brunei telah lulus dalam Pepereksaan Kerani2 bagi tahun 1964.

Sabelas orang daripada Pegawai2 tersebut telah lulus dalam Pepereksaan Kerani2 Tingkatan "A", manakala empat orang lagi telah lulus dalam Pepereksaan Kerani2 Tingkatan "B".

Pegawai2 yang lulus dalam Pepereksaan Kerani2 Tingkatan "B" ada-lah seperti berikut:

Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim dari Pejabat Tanah, Awang Mohamed Kassim bin Pengiran Mohidden dari Pejabat Elektrik, Awang Zainuddin bin Kula dari Pejabat Bandaran dan Dayang Aminah binte Ibrahim dari Pejabat Kerja Raya.

Pegawai2 yang lulus dalam Pepereksaan Kerani2 Tingkatan "A" ada-lah seperti berikut:

Awang Zainin bin A. Halim dari Pejabat Kewangan, Dayang Maimunah binte Md. Yassin dari Pejabat Penyiaran dan Penerangan, Song Kim Fha dari Pejabat Kastam Diraja.

Awang Md. Ja'afar bin Buntar dari Pejabat Kemajuan Negara, Awang Md. Noor bin A. Judin dari Pejabat Sukatan dan Timbangan, Dayang Fatimah binte Ja'afar dari Pejabat Pelajaran.

Pengiran Ismail bin Pengiran Ahmad dari Pejabat Perbekalan Negara, Awang Kassim bin Ibrahim dari Pejabat Imigresen, Awang Maksin bin Kamis dari Pejabat Tanah, Temburong.

Abang Morshidi bin Abang Haji Suhaili dari Pejabat Pos, dan Awang Mornee bin Sanai dari Pejabat Hal Ehwal Uagama.

MENDUDOKI

PEPEREKSAAAN SA-KALI LAGI TINGKATAN "B"

Seramai 19 orang Pegawai2 ada-lah di-kehendakki menduduki Pepereksaan Kerani2 Tingkatan "B" sekali lagi, ia-itu hanya dalam perkara yang dinyatakan di-hadapan nama masing2 seperti di-bawah ini:

Dayang Mariam binte Abdullah dari Pejabat Pilihan Raya - Ilmu Hisab, Awang Md. Yusof bin Haji Ahmad dari Pejabat Elektrik - Menaip, Awang Bujang bin Ibrahim dari Pejabat Buruh - Atoran Pejabat.

Michael Thien Wee Ho dari Pejabat Pertanian - Terjemahan, Tan Seng Teck dari Pejabat Pertanian - Atoran Pejabat, Teo Geak Ho dari Pejabat Pertanian - Terjemahan.

Awang Md. Salleh bin Timbang dari Pejabat Perkhidmatan Bomba - Pengetahuan 'Am, Awang Othman bin Damit dari Pejabat Kerja Raya - Menaip, Awang Md. Salleh bin Abu Bakar dari Pejabat Kemajuan - Pengetahuan 'Am.

Awang Yahya bin Haji Tengah dari Pejabat Kerja Raya - Pengetahuan 'Am, Awang Abdul Hadi bin Yaacob dari Pejabat Kerja Raya - So'al Jawab Mulut, Wong Mo Lian dari Pejabat Establishment - Terjemahan.

Tang Yee Mee dari Pejabat Bandaran - Terjemahan, Awang Yusof bin Haji Omar Ali dari Pejabat Kastam Diraja - Menaip, Awang Mohamed bin Haji Ali Khan dari Pejabat Kerja Raya - Karangan.

Awang Masri bin Mahijuddin dari Pejabat Polis - Atoran Pejabat, Awang Hussain bin Hidup dari Pejabat Pelajaran - Terjemahan.

Awangku Ibrahim bin Pengiran Ahmad dari Pejabat Pesuruh Jaya Tinggi - Pengetahuan 'Am dan Awang Abang bin Mahari dari Pejabat Kehutanan - Pengetahuan 'Am.

TINGKATAN "A"

Selain dari keputusan tersebut, seramai 37 orang Pegawai2 adalah di-kehendakki menduduki Pepereksaan Kerani2 Tingkatan "A" sa-kali lagi, ia-itu hanya dalam perkara yang dinyatakan di-hadapan nama masing2 seperti berikut:

Awang Kamis bin Mohd. Ali dari Pejabat Talikom - Ilmu Hisab, Awang Shamsu bin Hussin dari Pejabat Talikom - Atoran Pejabat.

Awang Md. Tanjong bin Haji Ismail dari Pejabat Penyiaran dan Penerangan - Ilmu Hisab, Awangku Sulaiman bin Pengiran Buntar dari Pejabat Penyiaran dan Penerangan - Atoran Pejabat, Awang Jumat bin Ampuan Saifudin dari Pejabat Penyiaran dan Penerangan, Temburong - Atoran Pejabat.

Awang Abang bin Abdul Rani dari Pejabat Tanah, Tutong -

Pepereksaan Menaip dan Trengkas Melayu

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan Menaip dan Trengkas Melayu, Pertengahan tahun 1965 di-anjarkan oleh Trengkas Melayu Institute (Malaysia) dan di-kekelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei, akan di-adakan pada 13 Jun, 1965 dengan jadual2 seperti berikut:

Pepereksaan: (a) Menaip pada pukul 2-00 petang dan (b) Trengkas Melayu Kaedah Gregg pada 10-00 pagi.

Tempat pepereksaan akan di-atorkan dan di-umomkan kemudian.

Bayaran memasoki pepereksaan tersebut ada-lah seperti berikut:

Atoran Pejabat, Awang Emran bin Ismail dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan - Atoran Pejabat.

Awang Omar bin Othman dari Pejabat Penyiaran dan Penerangan - Ilmu Hisab, Awangku Razali bin Pengiran Md. Said dari Pejabat Penyiaran dan Penerangan - Atoran Pejabat, Awang Abdul Hamid bin Simpol dari Pejabat Sukatan dan Timbangan - Atoran Pejabat.

Awang Muhammad bin Abdul Rahman dari Pejabat Perubatan - Ilmu Hisab, Awang Yahya bin Kalong dari Pejabat Perubatan (Tidak hadir pada masa diadakan pepereksaan) - Ilmu Hisab.

Awang Abdul Momin bin Orang Kaya Bashah dari Pejabat Penyiaran dan Penerangan - Atoran Pejabat, Awang Ibrahim bin Abdul Karim dari Pejabat Elektrik - Atoran Pejabat.

Awang Md. Salleh bin Hitam dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan - Ilmu Hisab, Awang Md. Noor bin Md. Yassin dari Pejabat Penyiaran dan Penerangan - Atoran Pejabat.

Awang Md. Said bin Md. Salleh dari Pejabat Perbekalan Negara - Atoran Pejabat, Awang Othman bin Abdul Hamid dari Pejabat Bandaran - Atoran Pejabat.

Awangku Damit bin Pengiran Chuchu dari Pejabat Sukat - Karangan, Awang Salleh bin Tengah dari Pejabat Daerah - Menaip, Awang Abdul Latif bin Awang Hitam dari Pejabat Kehakiman - Atoran Pejabat.

Awang Md. Yusof bin Taha dari Pejabat Kerja Raya - Ilmu Hisab, Awang Abdul Latif bin Ajak dari Pejabat Kerja Raya - Atoran Pejabat, Awangku Sani bin Pengiran Haji Md. Daud dari Pejabat Kerja Raya - Atoran Pejabat.

Awang Sirun bin Sikut dari Pejabat Laut - Atoran Pejabat, Awangku Othman bin Pengiran Ismail dari Pejabat Pos - Ilmu Hisab, Wan Abdul Rahman bin Wan Ali dari Pejabat Kehutanan - Ilmu Hisab.

Awang Anderi bin Tikom dari Pejabat Talikom - Atoran Pejabat, Awang Mukim bin Awang Hassan dari Pejabat Bandaran, Kuala Belait - Ilmu Hisab, Awang Johari bin Imam Haji Omar Ali dari Pejabat Polis, Kuala Belait - Atoran Pejabat.

Awang Abdul Rashid bin Haji Talip dari Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria - Atoran Pejabat, Awang Ahmad Shah bin Abdul Rahman dari Pejabat Pelajaran - Atoran Pejabat.

Awang Mohd. Jali bin Mahadi dari Pejabat Kastam Diraja - Ilmu Hisab, Awang Zaini bin Mohamed dari Pejabat Keenderaan Darat - Atoran Pejabat.

Awang Mohamed Hussein bin Hassan dari Pejabat Kadz, Daerah Belait - Ilmu Hisab, Awang Mohd. Salleh bin Chuchu dari Pejabat Pos - Ilmu Hisab dan Awang Ambali bin Siok dari Pejabat Pertanian - Atoran Pejabat.

PENDAFTARAN KANAK2 UNTOK BELAJAR DI-S.M.

MUHAMMAD ALAM

SERIA. — Ibu bapa yang hendak memasokkan anak mereka belajar di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria untuk pelajaran tahun 1966 ada-lah dipersilakan mendaftarkan nama anak masing2 di-sekolah tersebut.

Hanya kanak2 yang berumur 6 tahun ka-atas sahaja yang akan di-terima mendaftar.

Ibu bapa yang hendak mendaftarkan nama anak mereka untuk belajar di-sekolah tersebut pada tahun hadapan, ada-lah di-kehendaki membawa surat beranak anak masing2 ketika mendaftarkan.

PEGAWAI2 BAHARU KELAB BELIA SERIA

SERIA. — Pegawai2 baharu Kelab Belia Seria yang telah dilantik dalam Mashuarat Agongnya baharu2 ini bagi tahun 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:

Yang Di-Pertua - Awang Abdul Rahman Mustapha, Naib Yang Dipertua - Awang Michael James.

Setia Usaha - Dayang Patricia Huddart, Penolong Setia Usaha - Bagi Dickens.

Bendahari Kehormat - Awang Jess Kay, Setia Usaha Sosial - Awang Arthur Azcona, Ahli2 Jawatan Kuasa - Awang Han Keng Guan, Awang Mardi Ali, Dayang Aminah binte Morni, Dayang Betty Lo dan Dayang Chong Sang Moi.

Pepereksaan: (a) Menaip Tingkatan Permulaan \$10.00, Menengah \$10.00 dan Tertinggi \$15.00.

Pepereksaan: (b) Trengkas Tingkatan Permulaan \$10.00, Menengah \$10.00 dan Tertinggi \$15.00.

Permohonan2 mengenai perkara tersebut hendaklah menggunakan borang yang boleh didapati daripada Guru2 Trengkas dan Menaip atau di-Pejabat Pelajaran, Brunei.

Permohonan2 hanya akan dilayan apabila di-sampaikan ka-Pejabat Pelajaran Brunei pada atau sebelum 10 Mei, 1965.

Perjumpaan Guru2 Ugama Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah merasmikan pembukaan perjumpaan guru2 ugama Daerah Belait di-Bilek Bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Kuala Belait pada 24 April, 1965.

Dalam ucapan beliau di-majlis itu, antara lain Pengiran Momin menyatakan bahawa guru2 ugama ada-lah mengambil peranan penting bagi memupok dan memperhebat perkembangan pelajaran Ugama Islam sebagai ugama rasmi di-negeri ini.

Pengiran Momin menjelaskan bahawa penyiaran Ugama Islam, Brunei ada-lah banyak terhutang budi kepada Negara Malaysia yang telah memperkenalkan guru2 dan pegawai2 ugama-nya untuk bertugas ka-negeri ini.

Beliau menegaskan bahawa hal ini membuktikan bahawa perhubungan Brunei dan Malaysia tetap mesera yang terbit dari bangsa dua sebaya dan berasal dari satu keturunan.

Pengiran Momin menyatakan lagi, walaupun dari segi politik dan pemerintahan kita di-pisahkan, namun hubungan ra'ayat di-ke-dua2 pihak tetap biasa dan semoga rasa persaudaraan ini akan tetap ada untuk selama2-nya.

Pengerusi perjumpaan itu, Awang Mahalee bin Haji Abdullah menyatakan bahawa perjumpaan itu ada-lah untuk lebih mengeratkan perpaduan guru2 ugama dalam usaha memperkembangkan Ugama Islam terutama sekali di-kampung2 pendalaman.

Antara yang memberi ucapan di-majlis itu ia-lah Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin.

Mashuarat Agong "BAKTI"

KAMPONG PEKAN LAMA. — Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibunda (BAKTI) Brunei telah mengadakan Mashuarat Agong-nya yang kedua bertempat di-Balai Ibadah Kampung Pekan Lama, Bandar Brunei baharu2 ini.

Semua Setia Usaha Bahagian persatuan tersebut untuk tahun 1964 telah melaporkan tugas2 yang telah di-laksanakan oleh mereka dengan memperolehi kejayaan dalam tahun yang lalu.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir BAKTI bagi tahun 1965 yang telah di-lantik dalam Mashuarat tersebut ada-lah seperti berikut:

Yang Dipertua - Awangku Shamsu bin Pengiran Haji Kadar (di-lantik sa-mula). Naib Yang Dipertua I - Pengiran Jamaluddin bin Pengiran Omar. Naib Yang Dipertua II - Dayang Salmah binte Awang.

Setia Usaha Agong - Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit (di-lantik sa-mula). Naib Setia Usaha Agong I - Dayangku Aisah binte Pengiran Said. Naib Setia Usaha Agong II - Awang Md. Salleh bin Abdul Latif.

Bendahari Kehormat - Awangku Zaidi bin Pengiran Mohammad (di-lantik sa-mula). Naib Bendahari Kehormat - Awang Haji Muhammad bin Haji Md. Zain.

Setia Usaha Pelajaran dan Persuratan - Awangku Mahmud bin Pengiran Damit. Naib Setia Usaha Pelajaran dan Persuratan - Awang Momin bin Tengah.

Setia Usaha Kesenian dan Kebudayaan - Awangku Muhammad bin Pengiran Tuah. Naib Setia Usaha Kesenian dan Kebudayaan - Dayangku Armah binte Pengiran Bakar.

Setia Usaha Sosial - Awang Metusin bin Haji Seruddin. Naib

Setia Usaha Sosial - Awang Muhammad bin Abdul Hamid.

Setia Usaha Penerangan - Awangku Hassan bin Pengiran Yusof. Naib Setia Usaha Penerangan - Pengiran Halus bin Pengiran Haji Kadar.

Pemeriksa Kira2 - Awangku Daud bin Pengiran Damit dan Naib Pemeriksa Kira2 - Awang Nordin bin Haji Kasah. Berita kiriman - Awangku Hassan bin Pengiran Yusof Setia Usaha Penerangan BAKTI.

Waktu2 Sembahyang, Amsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 5 Mei hingga ka-hari Selasa 18 Mei, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:

Hari	Bulan	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
5	4.39	4.53	6.07	12.23	3.38	6.31	7.43	
6	4.39	4.53	6.07	12.23	3.38	6.31	7.43	
7	4.39	4.53	6.07	12.23	3.38	6.31	7.43	
8	4.39	4.53	6.07	12.23	3.38	6.31	7.43	
9	4.38	4.52	6.06	12.23	3.38	6.31	7.43	
10	4.38	4.52	6.06	12.23	3.38	6.31	7.43	
11	4.38	4.52	6.06	12.23	3.39	6.31	7.43	
12	4.38	4.52	6.06	12.23	3.39	6.31	7.43	
13	4.38	4.52	6.06	12.23	3.39	6.31	7.43	
14	4.38	4.52	6.06	12.23	3.39	6.31	7.43	
15	4.38	4.52	6.06	12.23	3.39	6.32	7.44	
16	4.38	4.52	6.06	12.23	3.40	6.32	7.44	
17	4.38	4.52	6.06	12.23	3.40	6.32	7.44	
18	4.37	4.51	6.05	12.23	3.40	6.32	7.44	

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

JADUAL BARU KIRIMAN SURAT DARI PEJABAT2 POS BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Masa yang akhir bagi mengirinkan surat2 biasa melalui kapal terbang dari Pejabat Pos, Bandar Brunei pada tiap2 hari ka-tempat2 berikut ada-lah seperti di-bawah ini:

Ka-Malaya, Singapura dan Kuching (termasuk negeri2 komonwealth dan lain2 negeri): Hari Ahad - 1 petang. Hari Isnin - 3 petang. Hari Selasa - 3 petang. Hari Rabu - 3 petang. Hari Khamis - 3 petang. Hari Juma'at - 2-30 petang dan Hari Sabtu - 3 petang.

Ka-Jesselton dan Sandakan: Hari Isnin - 12 tengah hari. Hari Selasa - 12 tengah hari. Hari Rabu - 12 tengah hari. Hari Khamis - (a) 12 tengah hari dan (b) 3-30 petang. Hari Sabtu - (a) 12 tengah hari dan (b) 3-30 petang.

Ka-Hong Kong: Hari Ahad - 1 tengah hari. Hari Isnin - (a) 2 petang (terus) dan (b) 3 petang. Hari Selasa - 3 petang. Hari Rabu - 3 petang. Hari Khamis - 3 petang. Hari Juma'at - 2-30 petang. Hari Sabtu - 3 petang.

Ka-Labuan: Hari Isnin - 12 tengah hari. Hari Selasa - 12 tengah hari. Hari Rabu - 12 tengah hari. Hari Khamis - (a) 12 tengah hari dan (b) 3-30 petang. Hari Sabtu - (a) 12 tengah hari dan (b) 3-30 petang.

Ka-Labuan: Hari Isnin - 12

tengah hari. Hari Selasa - 3 petang. Hari Rabu - 12 tengah hari. Hari Khamis - 3-30 petang. Hari Sabtu - 3-30 petang.

Ka-Sibu: Hari Ahad - 1 tengah hari. Hari Selasa - 10 pagi. Hari Khamis - 10 pagi. Hari Juma'at - 2-30 petang dan Hari Sabtu 3 petang.

Ka-Lawas: Hari Rabu - 8-30 pagi dan Hari Sabtu 3-30 petang.

Masa yang akhir sekali bagi menerima surat yang di-kirinkan melalui Pos Berdaftar di-Pejabat Pos, Bandar Brunei, ia-lah sa-tengah jam sa-belum masa akhir menerima surat2 biasa yang di-kirinkan melalui kapal terbang.

Masa yang akhir sekali bagi menerima bungkusan2 dan "money order" di-Pejabat Pos, Bandar Brunei ia-lah satu jam sa-belum masa akhir menerima surat2 biasa yang di-kirinkan melalui kapal terbang.

Pembukaan Majlis Mashuarat Mukim Labu

BANGAR. — Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan bin Pengiran Haji Syed Mashor, telah merasmikan pembukaan Majlis Mashuarat Mukim Labu, di-Sekolah Melayu Labu Estate pada pagi 24 April, 1965.

Sebelum merasmikan pembukaan Majlis tersebut, Pengiran Syed Shahminan dalam ucapan-nya berharap Ahli2 Majlis Mashuarat itu akan memimpin raya'at di-Mukim tersebut untuk menchapai kebahagiaan, kema'amuran dan keselamatan.

Beliau juga menerangkan atas kewajipan dan tanggung jawab tiap2 ra'ayat dan penduduk tidak kira apa kaum dan ugama di-negeri ini ia-lah patoh kepada

peratoran dan undang2 negeri serta ta'at setia kepada negara, Sultan dan kerajaan baginda.

"Dengan ra'ayat menjalankan kewajipan dan memikul tanggung jawab masing2", kata beliau, "terchapai-lah kebahagiaan, kema'amuran dan keselamatan dan dengan itu juga terchapai-lah chita2 Kerajaan untuk mempertinggikan lagi taraf hidup ra'ayat terutama kepada penduduk2 yang terpenchil seperti Daerah ini".

Beliau juga menyeru kepada Ahli2 Majlis Mashuarat tersebut supaya bekerja sama, bersatu padu dan tolong menolong di-antara satu sama lain.

Turut memberi ucapan di-majlis tersebut ia-lah wakil ra'ayat Majlis Meshuarat Daerah Temburong bagi Kawasan Labu, Awang Metusin bin Aliakbar.

CHAWANGAN PEJABAT PENDAFTARAN DI-BUKA DI-SERIA

SERIA. — Satu Chawangan Pejabat Pendaftaran Kebangsaan telah di-buka di-Seria mulai pada 26 April, 1965 bertempat di-bangunan Pejabat2 Kerajaan, Seria.

Penduduk2 yang tinggal di-Pekan Seria atau yang berhampiran yang hendak memohon Kad Pengenalan ada-lah di-nasehatkan supaya memohon di-Seria sahaja.

Penyiaran Melalui Radio — Satu Perkara Yang Utama Dalam Usaha Negara2 Yang Belum Begitu Maju

(Oleh Awang Mohamed Salleh Kadir)

BAHARU2 INI di-umumkan bahawa perkhidmatan Radio Brunei telah di-perkembangkan dengan menambah masa siaran bahagian tentera dan bahagian China dengan tidak mengganggu siaran Melayu dan Inggeris.

Penambahan masa itu ada-lah kerana hendak menyesuaikan masa siaran dengan masa kela-pangan peminat2 bahagian ter-sebut mendengar ranchangan da-lam bahasa masing2 saperti yang telah di-susun bagi bahagian Me-layu dan Inggeris.

Penyiaran melalui radio ada-lah satu perkara yang utama dalam usaha negeri2 yang belum begitu maju hendak menyampaik-an sa-suatu yang penting kapada penduduk2 negeri kerana siaran radio dapat di-dengar di-mana2 tempat jua sama ada dalam ka-wasan bandar mahu pun di-pendalaman negeri dalam hutan rimba.

Ini ia-lah kerana radio mudah di-dengar oleh penduduk2 negeri dan alat2 untuk mendengar siaran, tegas-nya peti2 radio ia-lah suatu kemewahan yang dapat di-nekmati bersama oleh segala lapisan ra'ayat.

Dan dengan kemajuan tekno-logi yang telah terchapai hari ini tenaga elektrik tidak di-perlukan lagi untuk memberi tenaga ka-pada peti2 radio kerana transistor yang lebih murah itu tidak me-merlukan elektrik.

Alat transistor telah banyak di-reka dan dapat di-beli dengan harga yang tidak menyusahkan sa-orang peminat radio. Transis-tor ini tidak memerlukan tenaga elektrik saperti peti radio biasa.

Transistor itu telah di-reka de-ngan menggunakan bateri sahaja sa-bagai daya mendengar siaran dan dengan menggunakan transis-tor penduduk2 di-pendalaman

negeri akan dapat bersama men-dengar siaran.

Perkembangan yang baharu di-umumkan itu memberi kemudah-an kapada askar yang bertugas di-negeri ini mendengar siaran radio dalam masa kelapangan mereka dari pukul 3-45 hingga pukul 5-30 petang. Dalam masa ini askar di-seluruh negeri ke-banyakan balek ka-khemah masing2 untuk berehat sementara waktu sa-telah bertugas sa-panjang hari di-luar perkhemahan.

Pendengar2 bahagian China pula dapat mendengar siaran petang Radio Brunei hingga

pukul 7 malam dari pukul 5-30 petang.

Perkembangan itu juga telah di-susun dengan menguntokkan saluran2 pemancar yang tetap bagi tiap2 ranchangan.

Saluran2 pemancar itu ada-lah sama sahaja bagi siaran ranchangan2 sa-belah pagi sa-hingga pukul 2 tengah hari. Sama ada ranchangan itu dalam bahasa Melayu, China atau Inggeris ia-nya dapat di-dengar melalui ge-lombang 309 atau 242 meter.

Gelombang2 ini telah di-uji dan gelombang 242 meter yang di-pancharkan dari steshen pe-manchar Tutong itu boleh di-dengar di-seluruh negeri.

Gelombang 309 meter itu hanya elok di-dengar oleh pe-minat2 radio di-kawasan Bandar Brunei dalam lengkongan 5 batu dari steshen pemancar Bandar Brunei.

Gelombang2 pemancar Radio Brunei di-tambah pada sa-belah petang mulai dari pukul 3-45 apabila ranchangan tentera di-buka dan di-tutup pada pukul 5-30 petang dengan siaran warta berita dari BBC dalam bahasa Inggeris.

Ranchangan tentera ini boleh di-dengar melalui gelombang sederhana 335 meter yang di-pancharkan dari steshen pe-manchar Jalan Berakas dan ge-lombang pendek 61 meter yang di-pancharkan dari steshen pe-manchar Jalan Berakas juga.

Ranchangan dalam bahasa China pada sa-belah petang hari di-mulakan pada pukul 5-30 dan tamat pada pukul 7-00 malam. Ranchangan ini boleh di-dengar melalui gelombang 335 meter dan 61 meter.



Oleh sebab perkembangan per-khidmatan Radio Brunei telah meningkat pada menggunakan 4 gelombang pemancar, maka siaran Melayu pada sa-belah petang dapat di-mulakan pada pukul 6 melalui gelombang sederhana 309 meter yang di-pancharkan dari Bandar Brunei dan 242 meter dari Tutong sa-hingga pukul 10-30 malam.

Gelombang pendek 61 meter juga di-gunakan dalam siaran ranchangan Melayu dan dapat di-dengar dari pukul 7 malam ia-itu sa-telah tamat ranchangan bahasa China hingga pukul 9 malam.

Gelombang pendek 61 meter itu di-gunakan supaya pendengar2 seberang laut dapat mengikuti ranchangan2 Radio Brunei yang di-fikirkan elok di-dengar oleh peminat2 seberang laut dalam masa yang tertentu.

Ranchangan Inggeris di-mula-kan pada pukul 9 malam dan di-tutup pada pukul 10-30 sa-perti ranchangan Melayu tetapi

(Lihat Muka 5)



Gambar2 atas dan bawah: Pemandangan2 Steshen Pemancar Radio Brunei di-Jalan Berakas dan tempat2 tinggal Pegawai2 yang bekerja di-Steshen Pemancar tersebut.

MALAM SAMBUTAN AWAL TAHUN 1385

BANDAR BRUNEI.—Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin telah merasmikan pembukaan Malam Sambutan Tahun Baru Islam 1385 di-Dewan Kemasyarakatan, pada malam 2 Mei, 1965.

Temasha tersebut telah diadakan di-bawah anjoran Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei dengan kerjasama Persatuan Bekas Penuntut Sekolah2 Ugama, Brunei.

Di-antara achara2 yang telah diadakan di-temasha tersebut ialah Peraduan Membaca Sajak, Persembahan Nashid oleh murid2 Sekolah Melayu Dato Amar Pahlawan Burong Pingai, Berakas; murid2 Sekolah Ugama Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei dan oleh murid2 Sekolah Ugama, S.O.A.S., Bandar Brunei.

Selain dari itu sa-buah Tablo berjudul "Intelik Yang Bergayut" telah di-persembahkan di-temasha tersebut oleh Persatuan Bekas Penuntut Sekolah2 Ugama, Brunei.

Ali "Bangau" dan rakan-nya telah mempersembahkan sa-buah lakonan Lawak Jenaka yang istimewa di-temasha itu.

Majlis tersebut di-mulai dengan bacaan ayat suci Al-Qura'an oleh Awang Wasli bin Haji Abu Bakar. Kemudian Pengerusi Malam Sambutan Tahun Baru Islam 1385, Awang Abdul Salam bin Abdul Razak telah melafadzkan satu ucapan.

Sharahan Khas mengenai Awal Muharram telah di-lafadzkan oleh Awang Ali bin Haji Hussin manakala ucapan penutup telah di-lafadzkan oleh Penolong Setia Usaha majlis sambutan tersebut, Awang Metussin bin Haji Ibrahim.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam Peraduan Membaca Sajak.

Peraduan tersebut di-hakimkan oleh Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, Awang Abdul Latif Haji Hashim dan Awang Mohammed Zain Ariff.

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

Bahagian Persaorangan: 1. Awangku Suhaimi bin Pengiran Wahid dari Maktab Perguruan Melayu Brunei;

2. Dayangku Iring binti Pengiran Md. Said dari Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) Brunei; 3. Awang Sulaiman Wahab dari Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) Brunei; 4. Awang Morshidi Haji Md. Salleh dari Persatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan, Brunei dan 5. Dayang Maimunah C. M. Mohammad dari Badan Seni Budaya Kebangsaan, Gabungan Maktab2 S.O.A.S. dan S.T.P.R.I. **Bahagian Pasokan:** Johan — Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) Brunei dan Naib Johan Maktab Perguruan Melayu Brunei.

D.Y.M.M. RAJA ISTERI BERCHEMAR DULI KA-ASRAMA JURURAWAT

(Dari Muka 1)

Yang Maha Mulia Raja Isteri amat-lah mengambil berat terhadap perkhidmatan mereka untuk faedah masyarakat sa-umom-nya, di-Negeri Brunei Darus Salam.

Pemenang2 hadiah tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

PINGAT DAN SIJIL

Jururawat Terlateh: Dayang Noreen Chan Yit Tong, Dayang Chin Nyuk Lian, Dayang Chu Yong Fong, Dayang Lai Yun Ching, Dayang Sung Ai Yin dan Dayang Wong Swee Lan.

Pembantu2 Rumah Sakit: Awangku Ali bin Pengiran Osman, Awang Ali bin Mehong, Awang Johari bin Abdul Rahman dan Awang Wong Kui Choon.

SIJIL

Penolong Jururawat2 Terlateh: Dayang Rokiah binte Zainal, Dayang Ramlah binte Isa dan Dayang Maneh binte Jumal.

Jururawat Kesihatan Bahagian Junior: Dayang Rokiah binte Suhaimi dan Dayang Tong Ting Kee.

Bidan2: Dayang Hasnah binte Suhaili, Dayang Noorah binte Abdullah dan Dayang Zaliha binte Haji Hamid.

PENYIARAN MELALUI RADIO

(Dari Muka 4)

di-siarkan melalui gelombang sederhana 335 meter dan gelombang pendek 61 meter.

Perkhidmatan radio ini tidak-lah lengkap dengan tidak disertai oleh perkhidmatan penerangan dan kemudian oleh perkhidmatan gambar, filem dan televisyen.

Pada masa ini perkhidmatan televisyen belum di-mulakan di-Brunei tetapi untuk kemudahan pertadbiran, radio dan penerangan telah di-satukan di-bawah Jabatan yang di-namakan Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Ini ia-lah dengan tujuan hendak mengatasi sebarang kekurangan dari segi penerangan yang terdapat dari siaran radio.

Kesan dari siaran melalui radio sudah ma'alum tidak kekal seperti apa yang tertulis dalam kertas2 risalah dan penerangan yang di-terbitkan oleh suatu jabatan penerangan. Ini ia-lah kerana siaran melalui radio hanya dapat di-fahamkan melalui pendengaran tidak melalui pembacaan seperti siaran2 penerangan yang telah di-tulis dan di-bukukan.

Demikian juga siaran2 penerangan melalui radio juga tidak dapat menandingi ketegasan gambar2 filem dan pelek2 yang telah di-beri penerangan yang bertulis itu.

Saperti saya katakan tadi, negeri2 yang belum begitu maju menggunakan perkhidmatan radio-nya untuk membantu usaha memesatkan berbagai2 perkembangan, terutama-nya perkembangan pelajaran dan penyebaran penerangan atas dasar dan ranchangan2 kerajaan.

Itu-lah sebab-nya Radio Brunei menyiarkan penerangan2 yang berupa pelajaran dan penjelasan dari masa ka-masa dengan

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU BAHASA KEBANGSAAN NEGERI BRUNEI

kadang2-nya mengganggu ranchangan2 hiburan yang terlebih dahulu telah di-jadualkan.

Penerangan2 yang di-siarkan melalui radio juga di-jangka membolehkan sa-saorang penduduk negeri mengetahui apa yang berlaku dalam negeri dan luar negeri.

Penerangan2 melalui radio sangat berguna khas-nya kepada penduduk2 yang maseh buta huruf yang tidak dapat membaca penerangan2 yang bertulis.

RANCHANGAN WARTA BERITA

Sungguh pun sa-suatu perkhidmatan radio itu mangandongi berbagai2 ranchangan, tetapi di-mana2 steshen jua pun ranchangan warta berita ada-lah di-utamakan.

Keutamaan ranchangan itu tidak susah hendak di-fahamkan kerana tidak ada jalan lain dari radio yang lebih chepat dan luas bagi menghebahkan sa-suatu kejadian yang penting kepada seluruh negeri.

Untuk membantu usaha memesatkan perkembangan pelajaran di-negeri ini sudah ada chadangan hendak mengadakan siaran ka-sekolah2. Pelaksanaan ranchangan ka-sekolah ini menunggu keputusan melantek dan melateh pegawai2 ranchangan ka-sekolah.

Segala ranchangan perkhidmatan radio yang berupa penerangan sudah sa-harus-nya di-tegaskan oleh penerangan2 yang bertulis yang di-sertai oleh gambar2 filem dan pelek2 penerangan.

Jabatan Penyiaran dan Penerangan dengan sa-berapa yang boleh telah memenohi maksud ini tetapi banyak lagi ranchangan2 yang belum dapat di-laksanakan.

Pelaksanaan sa-penoh ranchangan2 itu bergantung pada pengambilan kakitangan dan pegawai2 yang maher dan berpengalaman untuk menerbitkan ranchangan2 yang di-perlukan.


LOMBA-LOMBA TERBAKAR

MUARA. — Sa-buah kapal bernama 'Lomba-Lomba' kepunyaan Kerajaan Malaysia, Sarawak telah terbakar pada petang hari Isnin 26 April, 1965.

Kebakaran tersebut berlaku pada masa kapal itu berlaboh berdekatan dengan Jabatan Kastam Diraja, Pekan Muara.

Kapal "Lomba-Lomba" itu, di-ketuai oleh Awang D. N. Penfold ada-lah di-gunakan untuk menjalankan pekerjaan menyukat perayeran Pelabohan Muara yang akan di-gunakan sa-bagai Pelabohan Brunei.

PERAYAAN
USIA
100 TAHUN
KESATUAN
TALIKOM
ANTARA
BANGSA



Kesatuan Talikom Antara Bangsa akan mengadakan berbagai2 perayaan sa-bagai menyambut usia-nya yang ke-100 tahun pada tahun ini. Ini-lah sa-buah badan Antara Bangsa yang mula2 sekali mengadakan sambutan perayaan2 usia-nya yang ka-saratus tahun. Sambutan yang pertama akan di-adakan di-Paris pada 17 Mei, ia-itu hari genap 100 tahun penubuhan kesatuan itu di-tanda tangani di-bandar raya itu. Kemudian, mulai pada 14 September hingga ka-12 November Kesatuan Talikom Antara Bangsa itu akan mengadakan Persidangan-nya di-Montreaux, Switzerland. Pada 16 dan 17 Mei, Steshen Klab Radio Amateur Kebangsaan (International Amateur Radio Club — IARC —) akan mengadakan siaran2 khas sa-bagai menyambut Hari Ulangtahn Ka-100 Tahun Kesatuan Talikom Antara Bangsa. Siaran itu akan di-pancharkan ka-seluruh dunia. Enam buah steshen akan mengadakan siaran sapanjang hari melalui Ibu Pejabat Kesatuan tersebut di-Geneva pada hari2 tersebut.

* Dalam gambar ini kelihatan Ibu Pejabat K.T.A.B. di-Place des Nations, Geneva (atas) dan Palais des Nations (kanan).

Kursus Pemimpin2 Belia Akan Mengandungi Sharahan2 dan Latehan yang Berkisar Dari So'al Tanggong Jawab Belia - Kata Awang Zulkiflie

SENGKURONG. — Satu Kursus Pemimpin2 Belia akan diadakan buat julong2 kali di-Maktab Anthony Abell, Seria dari 15 Mei hingga ka-22 Mei akan datang.

Kursus tersebut akan mengandungi berbagai2 sharahan dan latehan yang berkisar dari soal2 tanggong jawab belia berpersatuan hingga kepada so'al2 belia dengan kemajuan dalam berbagai lapangan, termasuklah lapangan "perlegarehatan" dan sokan. Demikian kata Pengelola Persatuan2 Belia Negeri Brunei, Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah.

Awang Zulkiflie telah berkata sa-demikian ketika melafadzkan ucapan sa-belum beliau merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persatuan Belia Sengkung bahu2 ini.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Awang Zulkiflie telah mengucapkan terima kaseh kepada Ahli2 Jawatan Kuasa Persatuan Belia Sengkung kerana penghargaan dan penghormatan yang di-berikan kepadanya untuk merasmikan pembukaan Mashuarat Agong persatuan tersebut.

"Saya perchaya ini ada-lah tahun yang ke-tiga bagi persatuan ini menjelmakan diri di-kalangan masharakat dengan tujuan2 bagi kebaikan dan kesejahteraan — bukan sahaja kepada semua penduduk di-mukim Sengkung ini, bahkan juga kepada seluruh penduduk2 negeri 'am-nya.

Tertaja-nya Persatuan Belia Sengkung dalam tahun 1962, berma'ana-lah tertuboh-nya satu lagi badan kemasharakatan — suatu saloran untuk melebarkan amal kebajikan demi menchipta persahabatan yang erat dan luhur murni — suatu tapak bagi mengatasi berbagai2 masa'alah melalui permuzakarat sa-chara bebas dengn kepala yang terbuka dan sehat yang akan menghasilkan suatu kesimpulan ketat lela bermunafat.

Bergerak-lah sa-suatu persatuan dengan lancar dan serba sempurna dalam segi2 yang diizinkan oleh Perlembagaan persatuan itu sendiri", kata Awang

Zulkiflie.

Selanjut-nya Awang Zulkiflie menegaskan bahawa Kursus Pemimpin2 Belia yang akan diadakan di-Seria dalam bulan Mei ini hanya-lah di-anjorkan oleh Jabatan Kebajikan Masharakat.

Akan tetapi, kata beliau, yang menjayakan kursus itu ada-lah satu Jawatan Kuasa Bebas yang terdiri dari Persatuan2 dan Kelab2 (termasuk Persatuan Belia Sengkung) yang di-panggil Jawatan Kuasa Kerja Kursus Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei.

Segala kerja2 mengenai kursus tersebut ada-lah di-kendalikan oleh Jawatan Kuasa tersebut, hanya perbelanjaan di-tanggong oleh Jabatan Kebajikan Masharakat.

"Rasa-nya, saya tidak lagi akan mengambil banyak dari masa Awang2 dan Dayang2 ini lebeh lanjut sa-belum mengakhiri

uchapan, saya sukachita menyebut tentang kejayaan2 yang telah di-chapai oleh Persatuan Belia Sengkung sejak ia-nya lahir ada-lah suatu yang nyata dan patut menjadi tauladan baik kepada persatuan2 saperjuangan dan lebeh2 lagi yang termuda dari Persatuan Belia Sengkung ini.

Baharu2 ini Persatuan Belia Sengkung dalam mera'ikan Sambutan Hari Raya Puasa telah berjaya menarek perhatian awam dan mengadakan pula Ratu Chantek Sengkung. Ini ada-lah sa-suatu projek yang menarek perhatian dan berkat. Saya ucapkan shabash kepada Persatuan Belia Sengkung, kata beliau.

Kemudian Awang Zulkiflie pun merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persatuan Belia Sengkung.

Sharahan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei akan melawat ka-beberapa tempat dalam bulan ini untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam.

Jadual lawatan tersebut ada-lah saperti berikut:

Hari Jumaat 7 Mei: (a) 2 petang ka-4 petang - Sekolah Melayu Kasat, Brunei dan (b) 2 petang ka-4 petang - Kampong Lorong Dalam, Brunei.

Hari Juma'at 14 Mei: (a) 11 pagi ka-12.30 tengah hari - Masjid Kiudang, Tutong dan (b) 11 pagi ka-12.30 tengah hari - Masjid Batu Apoi, Temburong.

Hari Juma'at 21 Mei: (a) 11 pagi ka-12.30 tengah hari - Masjid Penapar, Tutong dan (b) 2 petang ka-4 petang - Sekolah Melayu Menunggol, Brunei.

Hari Juma'at 28 Mei: (a) 11 pagi ka-12.30 tengah hari - Masjid Kampong Masin, Brunei dan (b) 11 pagi ka-12.30 tengah hari - Masjid Kampong Kuala Balai, Belait.

Orang ramai, lelaki dan perempuan, ada-lah di-jemput hadir bersama ka-majlis2 tersebut untuk mendengarkan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam kita yang Maha Suci.

Jawatan Kosong:

Penyelenggara Setor

Pemohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Penjara, Brunei.

Gaji: Dalam sukatan gaji E.1-2-3 \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman seperti berikut boleh di-timbangkan:

(a) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau pun berhak untuk menjadi ra'ayat Sultan.

(b) Pemohon2 mesti-lah berke-lulusan Darjah V Sekolah Melayu dan Form I Sekolah Inggeris atau yang bersamaan dengan-nya.

(c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai sedikit pengalaman bekerja dengan setor.

PERMOHONAN DARIPADA PEGAWAI2 KERAJAAN

Pemohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat mereka siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mei, 1965.

PERSIDANGAN SUROHANJAYA PEREKONOMIAN MEMPEROLEHI KEJAYAAN

BANDAR BRUNEI. — Persidangan Surohanjaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh telah di-adakan di-Wellington, New Zealand mulai pada 16 Mach hingga ka-29 Mach dengan memperolehi kejayaan dalam berbagai2 bidang perekonomian.

Wakil2 dari Negeri Brunei yang menghadiri Persidangan tersebut ia-lah Awang Othman Chua Kwang Soon, Pengawal Kastam dan Bea Negeri Brunei (Ketua perwakilan), Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar, sa-orang Pegawai Jabatan Setia Usaha Kerajaan Brunei (Timbalan Ketua Perwakilan dan juga Setia Usaha Perwakilan) dan Doktor J. S. Gould, Penasehat Ekonomi Pertubohan Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei yang telah menghadiri Persidangan tersebut selaku Penasehat kepada Rombongan Perwakilan dari Negeri Brunei.

Juruchapak Perwakilan Negeri Brunei ka-Persidangan ECAFE berkata bahawa Persidangan ECAFE itu telah di-hadiri oleh semua negeri yang menjadi ahli2-nya, mengandungi 27 buah negeri. Di-antara-nya ia-lah Negeri2 Malaysia, Jepun, Afghanistan dan India.

Selain dari itu, turut hadir di-Persidangan tersebut ia-lah pemerhati2 dari 10 buah negeri

saperti Itali dan Arjentina serta wakil2 dari beberapa buah Badan Bangsa2 Bersatu dan lain2-nya saperti UNICEF, WHO dan UNESCO.

Beberapa masaalah telah diperbincangkan mengenai hal ehwal yang berkenaan dengan perkembangan dan kemajuan2 pertanian, perniagaan di-antara negeri, projek2 ekonomi, ke-inderaan, kebajikan masharakat, pakar2 teknik dan lain2-nya.

Pendek kata, Persidangan ECAFE kali yang ke-21 itu telah dapat memahami dengan lebeh lanjut terhadap masaalah2 perkembangan dan kehendak2 negara ahli.

Tahun 1965 ini ada-lah di-sifatkan sa-bagai Tahun Bekerjasama, dan untuk mencapai chita2 ini, Persidangan itu telah mengambil keputusan bagi memberi keutamaan dalam segala lapangan bantuan kepada negeri2 kecil saperti Brunei.

Dalam perjalanan balek ka-Brunei, Perwakilan dari Negeri Brunei telah singgah di-Australia atas jemputan Kerajaan Australia selama satu minggu.

Pada masa itu, Perwakilan tersebut telah dapat bertukar fikiran dengan Pegawai2 Kerajaan Australia, dengan ehsan Kerajaan Australia, atas perkara2 yang penting untuk faedah Negeri Brunei Darus Salam.

SOKAN TAHUNAN SEKOLAH MELAYU RAJA ISTERI FATIMAH BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I, Awang Shahbudin bin Saleh telah merasmikan pembukaan temasha Sokan Tahunan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei.

Temasha sokan tersebut telah di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam pada petang hari Isnin 26 April, 1965 dengan memperolehi kejayaan.

Temasha itu telah di-mulai dengan semua murid2 yang mengambil bahagian di-temasha sokan itu berbaris dengan chergas di-keliling padang sambil memberi tabek kehormatan kepada Awang Shahbudin pada masa mereka berjalan hadapan beliau.

Kemudian di-adakan acara Membacha Ikrar Sokan oleh semua orang yang mengambil bahagian di-temasha sokan itu.

Datin Hajjah Nahriah, ia-itu isteri Timbalan Menteri Besar, Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah menyampaikan hadiah2 kepada

pemenang2 pertandingan sokan tersebut.

Keputusan pertandingan sokan itu ada-lah seperti berikut:

Bahagian Rumah2: Pertama - Rumah Awang Semaun, mendapat 53 mata. Kedua - Rumah Bendahara Sakam, mendapat 52 mata. Ketiga - Rumah Bolkiah, mendapat 47 mata dan Keempat - Rumah Pekerma Dewa, mendapat 35 mata.

Dayang Norzainah Mohamed dari Rumah Bolkiah dan Dayangku Sharifah binte Pengiran Mohamed Said dari Rumah Bendahara Sakam telah mendapat gelaran bersama sebagai "BINTANG SOKAN" Sekolah Melayu R.I.F., Tahun 1965.

Perhiasan Rumah2: Pertama - Rumah Bolkiah. Kedua - Rumah Awang Semaun. Ketiga - Rumah Pekerma Dewa dan Ke-empat Rumah Bendahara Sakam.

SOKAN SEKOLAH2 MELAYU DAERAH TEMBURONG

BANGAR. — Sebanyak 16 buah Sekolah2 Melayu telah memasuki Perlawatan Sokan Pemilihan Daerah Temburong bertempat di-padang Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar pada 22 April, 1965.

Keputusan perlawatan sokan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Bahagian Lelaki: Pertama - Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar mendapat 120 mata. Kedua - Sekolah Melayu Kuala Temburong mendapat 58 mata dan Ketiga - Sekolah Melayu Belingos, mendapat 28 mata.

Bahagian Perempuan: Pertama - Sekolah Melayu Kenoa mendapat 39 mata. Kedua - Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar mendapat 27 mata dan Ketiga - Sekolah Melayu Kuala Temburong mendapat 25 mata.

Champoran Mata Kemenangan: Pertama - Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar mendapat 147 mata. Kedua - Sekolah Melayu Kuala Temburong mendapat 83 mata dan Ketiga - Sekolah Melayu Kenoa mendapat 58 mata.

SOKAN SEKOLAH2 MELAYU DAERAH TUTONG

TUTONG. — Perlawatan Sokan Pemilihan bagi Sekolah2 Melayu Daerah Tutong telah di-adakan di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada 25 April, 1965.

Sebanyak 22 buah Sekolah2 Melayu telah mengambil bahagian dalam perlawatan tersebut dan keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

Bahagian Lelaki: Pertama - Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong mendapat 115 mata. Kedua - Sekolah Melayu Kiudang mendapat 48 mata dan Ketiga - Sekolah Melayu Sinaut mendapat 35 mata.

Bahagian Perempuan: Pertama - Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong mendapat 27 mata. Kedua - Sekolah Melayu Lamunin mendapat 23 mata dan Ketiga - Sekolah Melayu Kiudang mendapat 16 mata.

Champoran Mata Kemenangan: Pertama - Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong mendapat 142 mata. Kedua - Sekolah Melayu Kiudang mendapat 64 mata dan Ketiga - Sekolah Melayu Sinaut mendapat 37 mata.

Perlawatan Bola Sepak Usia 100 Tahun Labuan

LABUAN. — Satu perlawatan bola sepak yang hebat untuk merebutkan Piala Perak Usia ka-100 Tahun Pulau Labuan telah di-adakan di-antara Pasokan Brunei Sports Club dengan Persatuan Kereta Api Sabah di-Padang Labuan pada petang hari Sabtu 1 Mei, 1965.

Dalam perlawatan tersebut, Pasokan Persatuan Kereta Api Sabah telah mengalahkan Pasokan Brunei Sports Club dengan 1 gol tidak berbalas.

Gol yang di-menangi oleh Pasokan Persatuan Kereta Api Sabah telah di-

jaringkan oleh Awang Damit, sa-orang pemain barisan hadapan pasokan itu pada masa pertengahan yang kedua.

Sungguh pun Pasokan Brunei Sports Club telah mendapat gelaran Naib Johan dalam perlawatan tersebut, akan tetapi pemain2-nya telah bermain dengan chergas dan bersungguh2 untuk memperolehi gelaran Johan perlawatan itu.

Yang Di-pertua Labuan Recreation Club, Awang Gurbax Singh telah menyampaikan hadiah2 sa-lepas tamat perlawatan tersebut.

Perlawatan Sokan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu

BANDAR BRUNEI. — Ramai wakil2 dari Sekolah2 Melayu dalam kawasan Bahagian Brunei Satu telah mengambil bahagian dalam Perlawatan Sokan Tahunan di-padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei sepanjang hari Khamis 29 April, 1965.

Pegawai Pelajaran Melayu Brunei, Awang Nordin bin Abdul Latiff telah merasmikan pembukaan temasha sokan itu pada pagi hari tersebut.

Hadiah2 kepada pemenang2 dalam perlawatan sokan itu telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei

dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar.

Sekolah Melayu Lela Menchanai telah menjadi Johan dalam perlawatan bahagian lelaki, manakala Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah telah menjadi Johan dalam perlawatan bahagian perempuan.

Sekolah Melayu Lela Menchanai telah menjadi Johan dalam perlawatan bahagian2 lelaki dan perempuan dan naib johan dalam perlawatan bahagian lelaki dan perempuan ialah Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bahagian Rendah.

Perlumbaan Rentas Desa Maktab Perguruan Melayu Brunei



Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengadakan satu temasha Perlumbaan Rentas Desa antara penuntut2 maktab tersebut pada pertengahan bulan April yang lalu. Perlumbaan tersebut di-bahagikan kepada Bahagian2 Lelaki, Perempuan dan Pasokan. Keputusan perlumbaan itu telah di-siarkan dalam akhbar ini pada 21 April, 1965. Dalam gambar ini kelihatan peserta2 perempuan yang mengambil bahagian di-temasha itu.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara Mengucapkan Tahniah Kapada Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar selaku Pengerusi Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara berkata dalam Persidangan Majlis Mashuarat tersebut di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei pada pagi hari Rabu 28 April, 1965 bahawa walau pun Majlis Mashuarat Daerah itu baharu sahaja di-tubuhkan, akan tetapi beliau mendapati bahawa ahli2 Majlis Mashuarat itu, "betul2 hendak berkhidmat untuk bangsa dan Tanah Ayer".

Awang Ali berharap bahawa Semangat Kebangsaan yang di-buktikan oleh ahli2 Majlis Mashuarat itu akan berpanjangan.

Dalam ucapan beliau Awang Ali selanjut-nya menegaskan bahawa beliau sendiri sangat-lah memerlukan kerjasama dari ahli2 Majlis Mashuarat tersebut dengan pehak Kerajaan.

Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara itu telah meluluskan 5 usul dalam persidangan tersebut.

Dua daripada usul itu, di-ke-mukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, ia-lah berkenaan dengan pembenaan jalan raya yang baru di-Kampung Perpindahan serta

memperbaiki jalan2 raya yang lama di-Kampung Perpindahan.

Awang Hashim bin Saman telah mengemukakan satu usul berkenaan dengan pembenaan klinik2 di-beberapa tempat di-kawasan Kuala Brunei.

Awang Ahmad Jalani bin Abdul Rahim telah mengemukakan usul berkenaan dengan perbekalan ayer di-Kampung Jerudong.

Satu usul lagi yang di-luluskan di-persidangan tersebut ia-lah berkenaan dengan pembenaan jambatan Kampung dari Kampung Peramu ka-Kampung Sungai Kebun. Usul itu telah di-ke-mukakan oleh Awang Bakar bin Salleh.

Perlumbaan Rentas Desa P.B.B.B.

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Belia Bandar Brunei telah mengadakan satu temasha Lumba Lari Rentas Desa pada petang hari Ahad 2 Mei, 1965.

Sungguh pun keadaan chuacha pada masa di-adakan perlumbaan tersebut tidak begitu baik, akan tetapi ramai peserta2 lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian.

Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Brunei, Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam perlumbaan tersebut.

Sa-belum menyampaikan hadiah2, Awang Mohamed Salleh telah memberikan satu ucapan yang berharga mengandungi nasehat2 yang berfaedah kepada belia2 di-negeri ini.

Beliau juga telah mengucapkan tahniah kepada Persatuan Belia Bandar Brunei kerana kejayaan-nya mengadakan temasha Lumba Lari

Rentas Desa tersebut.

Keputusan perlumbaan tersebut ada-lah seperti berikut:

Bahagian Orang2 Dewasa: 1. Joseph Chin; 2. Ibrahim bin Abdul Rahman dan 3. Henry Chin Sin Ming.

Bahagian Kanak2: 1. Awangku Ya'akub bin Pengiran Tuah; 2. Awangku Muhammad bin Pengiran Metarsad dan 3. Awang Jahri bin Bakar.

Bahagian Wanita: 1. Dayangku Zauyah binte Pengiran Juba; 2. Chee Shioh Ching dan 3. Dayang Noralam binte Tujoh.

Bahagian Pasokan: 1. Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei; 2. Maktab Perguruan Melayu Brunei "A" dan 3. Sekolah Saint Andrews.

Hadiah Khas: Awang Mohammed bin Metali dari Kampung Sungai Hanching.

Pendaftaran Bakal2 Haji Untuk Tahun 1966

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran Bakal2 Haji untuk tahun 1966 ada-lah sekarang di-jalankan di-Pejabat Hal-Ehwal Ugama Brunei dan pendaftaran ini akan di-tutup pada 31 Ogos, 1965.

Orang2 Islam yang berhajat untuk menunaikan fardzu Haji pada tahun tersebut ada-lah di-nasehatkan mendaftar kan nama2 mereka dari sekarang dengan menggunakan borang2 yang boleh di-perolehi di-Pejabat Hal-Ehwal Ugama Brunei, Pejabat2 Pegawai Daerah dan Pejabat Kadzi di-Daerah masing2.

Butir2 sa-lanjut mengenai pendaftaran itu boleh-lah di-perolehi daripada Pejabat2 tersebut.

Pengarah D.B.P. Puji Sharikat Penerbangan Malaysia Kerana Menggunakan Bahasa Melayu

BANDAR BRUNEI.—Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar telah memuji Sharikat Penerbangan Malaysia kerana menggunakan Bahasa Melayu dalam kapal terbang-nya dari Brunei ka-Jesselton dan dari Jesselton ka-Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jamil berkata sa-demikian sewaktu beliau balek dari Jesselton pada 27 April.

PERADUAN MEMBACHA AL-QURA'AN

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Membacha Al-Qura'an dan Sharahan bagi murid2 Sekolah2 Ugama di-Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 9 Mei, 1965.

Peraduan tersebut akan di-adakan di-bawah anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei kerana memilih wakil2 membacha Al-Qura'an dan Sharahan ka-Peraduan Sa-Negeri Brunei yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi.

Sa-orang Juruchakap peraduan tersebut mempersilakan orang ramai mengunjungi ka-peraduan itu beramai2.

Beliau telah pergi ka-Jesselton pada 26 April untuk melihat keadaan pembangunan luar bandar di-sana sebagai panduan kepada pembenaan bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jamil berkata lagi bahawa langkah yang telah di-ambil oleh Sharikat Penerbangan Malaysia untuk menggunakan Bahasa Melayu ketika membuat pengumuman dalam kapal terbang Sharikat Penerbangan itu, adalah menunjukkan dengan terang bahawa Sharikat Penerbangan itu menyokong penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi.

PERJUMPAAN

J.K. MASJID2 DAERAH BRUNEI DAN MUARA

BANDAR BRUNEI. — Satu per-jumpaan antara Ahli2 Jawatan Kuasa Masjid2 di-seluruh Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan pada hari Ahad 30 Mei, 1965 di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei.

Antara perkara2 yang akan di-bincangkan dalam mashuarat tersebut ia-lah mengenai kemajuan2 masjid2 di-Daerah Brunei dan Muara.



Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyampaikan Pingat Perjuangan, bagi pehak Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kepada beratus2 orang Pegawai2 Kerajaan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada 22 April, 1965. Dalam gambar ini kelihatan di-antara Pegawai2 dan anggota2 Jabatan Laut Brunei yang telah mendapat kurniaan Pingat Perjuangan di-majlis tersebut.